

## PENDEKATAN PENEGUHAN BAGI AKTIVITI HAFALAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI PERINGKAT MENENGAH RENDAH

(Reinforcement Approaches for Al-Quran Memorization Activities amongst Students  
in Lower Secondary Level)

Mohamad Khairudin Bajuri<sup>1</sup>, Rohaida Mohd. Saat<sup>2</sup>,  
M. Y. Zulkifli Mohd. Yusoff<sup>3,4</sup>, Noor Naemah Abdul Rahman<sup>3</sup> dan  
Durriyyah Sharifah Hasan Adli<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Institut Pengajian Siswazah, <sup>2</sup>Fakulti Pendidikan,  
<sup>3</sup>Akademi Pengajian Islam, <sup>4</sup>Centre of Quranic Research dan <sup>5</sup>Fakulti Sains,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.  
E-mel: rohaida@um.edu.my & khairudin@siswa.um.edu.my

### ABSTRACT

*Memorization is one of the mental functions generated by neuronal activities of the human central nervous system. Memorization activity involves the learning process after receiving external stimulation, such as information about something new, followed by the formation of memory, and its retention in the brain. This memory can then be accessed to be used, such as to recite al-Quran verses without visual or auditory aid. Through observation of performance or behavior of concerned individuals, it is found that external factors, like reinforcements in the form of reward (either positive reward or negative reward) and/or punishment are expected to have effects on efficiency of memory. This article discussed the changes to a specific behavior after being reinforced through targhib, tsawab, tarhib and 'uqubah approaches, as stated in the Islamic perspective and also practiced in the sample school, which is a religious secondary school in Terengganu. Discussed results from the study are the implementation of the common reinforcement practice involving reward (either positive reward or negative reward) and/or punishment in al-Quran memorization process in the school. The qualitative research method employed involved structured interviews as the main data source. A total of six (6) teachers and ten (10) students in lower secondary level were interviewed. It was discovered that activities that were commonly practiced as reinforcement to improve al-Quran memorization performance by students in the school included all positive reward, negative reward and punishment provision. Good practices and effective approaches based on reinforcement concept and/or punishment in the learning process as identified in this study are shared with education practioners for general improvement of the education system in Malaysia.*

**Keyword:** Reinforcement; Memorization; Punishment; Positive Reward; Negative Reward

## PENGENALAN

Kepelbagaian aktiviti yang dijana oleh otak manusia merupakan kebolehan semulajadi yang telah banyak menyumbang kepada penemuan baru tentang pembuktian saintifik. Lebih menarik lagi apabila ramai sarjana Islam telah berjihad dan berjaya mengaitkan penemuan tersebut dengan hujah bersandarkan kehebatan sumber tradisi Islam, iaitu al-Quran dan hadis tanpa menafikan secara menyeluruh sumbangan saintis barat (Baba 2011, 41; Hasan Adli et al. 2003). Keistimewaan sistem saraf terutamanya otak, memberikan keupayaan kepada manusia untuk belajar, menyimpan pengetahuan sebagai memori/ ingatan dan kemudiannya mengeluarkan-maklumat tersebut apabila ianya diperlukan atau akan digunakan (Kandel et al. 2005; Hasan Adli et al. 2003).

Aktiviti hafalan melibatkan proses pembelajaran seperti mengeja, membaca, menulis dan memahami (Bajuri et al. 2012, 261; Schunk 2007). Setelah menerima rangsangan luar seperti maklumat tentang sesuatu yang baru, dan diikuti dengan pembentukan memori/ ingatan serta penyimpanannya di dalam otak yang melibatkan bahagian hipokampus otak, memori boleh diakses untuk dibawa keluar dan digunakan (Squire dan Schacter 2002). Memperdengarkan ayat-ayat al-Quran tanpa menggunakan bantuan visual mahupun auditori yang dilaksanakan oleh para penghafaz al-Quran adalah contoh kepada hafalan yang dilaksanakan dengan jaya.

Sebagai contoh, seorang pelajar setelah berjaya membaca beberapa potong ayat al-Quran boleh berusaha menghafalnya dengan melakukan pelbagai kaedah pengukuhan hafalan seperti mengulang-ulang bacaan dan/atau menulis ayat tersebut sehingga mampu menyuarakan/ menyebutnya tanpa melihat teks. Kecekapan memori/ ingatan ini juga dapat ditingkatkan apabila faktor-faktor luaran, seperti peneguhan berbentuk ganjaran positif, ganjaran negatif atau hukuman diberikan berdasarkan prestasi atau tingkah laku pelajar (Mahyuddin et al. 2000). Selain hafalan dapat dikukuhkan melalui aktiviti seperti latihan atau pelaziman yang berulang, amalan pemberian ganjaran dan/atau ugutan, ancaman fizikal dan propaganda yang berkait dengan emosi pelajar turut mendorong pengukuhan tingkah laku (Green 1997). Penglibatan elemen-elemen berkaitan emosi dan perasaan juga dapat mempengaruhi keadaan/ suasana sesuatu pembelajaran tersebut (Nicholls 2002; Lindgren 1976).

Kajian yang khusus mengenai kepentingan pelaksanaan amalan peneguhan terhadap aktiviti pembelajaran yang melibatkan proses hafazan al-Quran masih belum ditemui sehingga kini. Sehubungan itu, kajian ini memfokus terhadap amalan pemberian peneguhan berasaskan konsep ganjaran (sama ada ganjaran positif atau ganjaran negatif) dan/atau hukuman ke atas pelajar menengah rendah di sebuah sekolah kajian. Amalan pemberian peneguhan ini bertujuan mendorong keyakinan pelajar untuk meningkatkan hafalan mereka.

## **PENDEKATAN DAN KAEDAH KAJIAN**

Sebuah sekolah menengah agama di Terengganu telah dipilih sebagai lokasi kajian kerana mempunyai program khusus hafazan serta pelaksanaan amalan pemberian ganjaran (sama ada ganjaran positif atau ganjaran negatif) dan/atau hukuman sebagai pendorong kepada peningkatan prestasi pelajar dalam aktiviti hafalan al-Quran (Yayasan Terengganu t.t.). Metodologi kualitatif yang melibatkan pengutipan data melalui aktiviti temu bual berstruktur menggunakan protokol temu bual yang telah disediakan terlebih dahulu telah dilaksanakan. Seramai enam (6) orang guru dan sepuluh (10) orang pelajar untuk hafazan al-Quran di peringkat menengah rendah telah ditemu bual. Temu bual difokuskan kepada pelajar tingkatan dua yang telah berpengalaman menerima ganjaran semasa di tingkatan satu. Kajian ini tidak melibatkan pelajar tingkatan tiga yang perhatiannya tertumpu kepada jadual pembelajaran kurikulum sekolah bagi menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR).

## **DAPATAN KAJIAN**

### **CIRI AMALAN PENEGUHAN**

Kebiasaannya aktiviti hafalan al-Quran oleh pelajar dijalankan di awal hari persekolahan dengan pemantauan guru-guru khusus yang dilantik oleh pihak sekolah. Ianya melibatkan hafalan ayat-ayat al-Quran yang baru dan aktiviti *muraja'ah* (ulang kembali) hafalan ayat-ayat yang telah mula dihafal pada hari sebelumnya. Berdasarkan temu bual, pihak sekolah telah menetapkan sasaran hafalan yang perlu dicapai oleh pelajar-pelajar. Aktiviti hafalan al-Quran di sekolah ini diagihkan kepada tiga tahun pertama; pelajar tingkatan satu sebanyak 10 juzuk (bab), tingkatan dua sebanyak 10 juzuk dan tingkatan tiga sebanyak 10 juzuk. Pelajar di tingkatan empat dan tingkatan lima kebiasaannya hanya mengulang semula semua 30 juzuk yang telah dihafal dengan pemantauan dari guru. Namun penetapan sasaran hafalan oleh pihak sekolah ke atas pelajar tingkatan satu, dua dan tiga ini bukanlah wajib, tetapi ia perlu dicapai sebelum mereka menamatkan pengajian di sekolah ini.

Pihak sekolah telah merangka beberapa inisiatif berdasarkan buku panduan 'Modul Sukatan Hafazan Al-Quran Sekolah Menengah Agama Terengganu' dengan memperincikan kaedah-kaedah pendekatan dan peneguhan kepada pelajar untuk mendorong mereka mencapai sasaran hafalan sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah (Yayasan Terengganu t.t.). Namun terdapat juga pemberian peneguhan lain yang tidak terdapat di dalam buku panduan telah diamalkan oleh guru hafalan sebagai inisiatif mereka untuk mendorong pelajar dalam hafalan. Pemberian peneguhan adalah bergantung kepada keadaan/ tahap kemampuan seseorang pelajar itu. Ia juga bergantung kepada guru hafalan yang ditugaskan untuk menjaga setiap kumpulan hafalan. Kumpulan hafalan dibentuk setelah pelajar diasingkan mengikut tahap pencapaian mereka mengikut tingkatan masing-masing. Semasa pendaftaran persekolahan, pelajar dan keluarga pelajar telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai konsep pemberian peneguhan berbentuk ganjaran dan hukuman ini supaya mereka memahami apa yang akan dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Pemberian peneguhan oleh pihak sekolah adalah mengikut zaman dan budaya masyarakat di Malaysia. Contohnya, pemberian ganjaran positif kepada pelajar yang berjaya mencapai sasaran hafalan berbentuk hadiah termasuklah tasbih digital dan al-Quran digital yang menggunakan teknologi. Pemberian ganjaran negatif pula adalah berbentuk kuarantin ke atas pelajar dengan mengikuti kem hafalan yang diadakan semasa cuti persekolahan ketika pelajar lain sedang bersama keluarga di kampung. Pemberian ganjaran juga telah diberikan secara terbuka di hadapan guru dan pelajar. Peneguhan positif yang diberikan di khalayak ramai mendorong meningkatkan keyakinan diri. Sebaliknya ganjaran negatif yang diberi akan menjadi tauladan kepada pelajar yang lain. Konsep penebusan juga diamalkan oleh guru yang memberikan denda berbentuk kewangan; jumlah wang denda yang dikenakan kepada pelajar yang tidak dapat menghafal akan dipulangkan kembali apabila pelajar berjaya menghafal bacaan yang ditetapkan.

Analisis kajian mendapati pemberian peneguhan yang lazim diamalkan di sekolah ini melibatkan tiga kaedah. Ketiga-tiga kaedah tersebut adalah peneguhan berbentuk ganjaran positif, ganjaran negatif dan pemberian hukuman kepada pelajar (**Lihat Jadual 1**). Dapatan kertas kerja ini disokong dengan petikan temu bual. Nama samaran informan digunakan bagi menjaga kerahsiaan mereka.

**Jadual 1: Bentuk Pemberian Peneguhan**

Pemberian Peneguhan		Hukuman
Ganjaran Positif	Ganjaran Negatif	
Pemberian suatu rangsangan sebagai respons kepada sesuatu tingkah laku yang ditunjukkan sebelumnya dengan menyebabkan perlakuan itu diulangi atau kebarangkalian ia dilakukan akan diperkuatkan lagi.	Pemberian berbentuk rangsangan yang tidak selesa dan/atau menyakitkan sebagai respons kepada sesuatu tingkah laku yang ditunjukkan supaya mendorong berlakunya peningkatan tingkah laku yang dapat mengelak atau mengurangkan keadaan yang tidak selesa dan/atau menyakitkan ke atas diri.	Pemberian yang bertindak untuk melemahkan atau mengurangkan berulangnya tingkah laku yang tidak diingini. Hukuman adalah tindakan negatif yang membawa kepada pengurangan dalam kekerapan berlakunya tingkah laku tidak diingini tersebut.

<p><b>Contoh :</b></p> <p><b>Tingkah laku:</b> Pelajar berjaya mencapai sasaran hafalan al-Quran yang telah ditetapkan oleh guru.</p> <p><b>Ganjaran positif:</b> Guru memuji/ memberikan hadiah kepada pelajar tersebut.</p> <p><b>Kesan ke atas tingkah laku akan datang:</b> Pelajar lebih bersemangat untuk meningkatkan hafalan surah-surah yang sukar.</p>	<p><b>Contoh :</b></p> <p><b>Tingkah laku:</b> Pelajar tidak berjaya mencapai sasaran hafalan.</p> <p><b>Ganjaran negatif:</b> Guru memberikan peringatan dengan ancaman untuk mendenda pelajar.</p> <p><b>Kesan ke atas tingkah laku akan datang:</b> Pelajar terpaksa meningkatkan hafalan untuk mengelak didenda.</p>	<p><b>Contoh :</b></p> <p><b>Tingkah laku:</b> Pelajar tidak menghafal al-Quran.</p> <p><b>Hukuman:</b> Guru memberi denda kuarantin di kem hafalan pada cuti persekolahan.</p> <p><b>Kesan ke atas tingkah laku akan datang:</b> Pelajar tidak mengulangi kesalahan pada sesi persekolahan akan datang.</p>
--	--	--

### GANJARAN POSITIF

Peneguhan positif adalah suatu rangsangan yang diberikan kepada seorang pelajar supaya sesuatu tingkah laku diulangi atau kebarangkalian ia dilakukan akan diperkuatkan lagi (Mohd. Saat et al. 2011, 1113-1120). Pemberian ganjaran positif ini adalah sebagai galakan dan motivasi untuk mendorong pelajar terus kekal/ konsisten dengan tahap hafalan supaya mencapai sasaran yang ditetapkan pihak sekolah. Ianya juga sebagai perangsang supaya keyakinan diri pelajar meningkat dan tidak terbeban dengan hafalan 30 juzuk al-Quran.

Berdasarkan analisis dapatan, terdapat tiga kategori di bawah pengamalan pemberian ganjaran positif kepada pelajar semasa proses hafalan al-Quran, iaitu (a) penghargaan secara verbal, (b) penghargaan secara kebendaan dan (c) penghargaan di khalayak ramai.

Didapati amalan pemberian **penghargaan secara verbal** ini diamalkan ketika kelas hafalan al-Quran berlangsung. Merujuk kepada kenyataan Ahmad, seorang pelajar yang amat menghargai pujian yang diberikan oleh gurunya setelah selesai melakukan *tasmi'* (memperdengarkan bacaan hafalan) di hadapan gurunya, "...*Saya merasa bertuah kerana mendapat pujian, kerana bukan semua orang yang akan mendapat pujian itu*". Kata beliau lagi,

*"...Bagi kami yang menghafal lambat dan tidak sempat mencapai sejuzuk dalam tempoh sebulan, apabila melihat kawan-kawan lain dapat (penghargaan pujian/ hadiah) daripada guru, kami akan merasa seperti iri hati dan kecewa. Jadi ia buat kami rasa bertambah semangat lagi untuk menghafal (mencapai sasaran) seperti kawan tadi"*.

Guru hafalan, Ustaz Hazim menyokong amalan pemberian pujian tersebut kepada pelajar kerana berpendapat ia mampu meningkatkan prestasi hafalan pelajar-pelajarnya, kata beliau,

*“...Dan pujian kena ada, contohnya, sekiranya pelajar tasmi’ (memperdengarkan bacaan hafalan) dalam satu hari dengan lancar (pujian diberikan). Pada akhir bulan nanti, kita (guru) akan kumpulkan jumlah hafalan melebihi 20 muka surat oleh pelajar yang telah mencapai sasaran. Kita akan puji mereka, contohnya; “bagus kerana dapat mencapai sasaran”. Strategi ini adalah sebagai usaha dan harapan kepada pelajar-pelajar yang lain. Ia sebagai pembakar semangat”.*

Ustaz Hazim dan beberapa orang guru lain juga mengakui amalan yang lazim digunakan oleh para guru seperti pemberian pujian telah memberikan kesan yang baik kepada pelajar,

*“...Dia (penghargaan) memberi kesan lah. Dia begini, pelajar ini dia hendak kita cakna (ambil berat) saja kepada mereka. Jadi pelajar yang hebat kita cakna mereka dalam bentuk ganjaran dan penghargaan lah. Pada masa yang sama ia sebagai galakan pada kawan-kawan mereka yang lain”.*

Kaedah peneguhan lain yang lazim juga diamalkan di sekolah ini adalah pemberian **penghargaan secara kebendaan**. Zaini, seorang pelajar di bawah kategori cemerlang menceritakan bahawa beliau telah menerima imbuhan berbentuk kewangan, iaitu sebanyak RM10 daripada pihak sekolah setelah berjaya menghabiskan satu juzuk al-Quran dalam tempoh satu bulan. Zaini menambah guru hafalan juga pernah memberikan hadiah seperti buku, pen atau hadiah-hadiah kecil sebagai galakan kepada beliau untuk meneruskan hafalan. Tambah beliau, penghargaan sebegini merangsang penerima untuk menggiatkan lagi usaha, walaupun nilai material barangan adalah kecil.

*“...Ada semangat baru lah (setelah menerima hadiah daripada guru). Kira macam hendak muraja’ah lebih banyak lagi. Hendak tasmi’ lebih banyak lagi supaya boleh tasmi’ awal dan ada masa untuk jaga hafalan-hafalan sebelum ini”.*

Ustaz Kamal pula menyatakan terdapat peruntukan yang khusus daripada pihak sekolah kepada pelajar yang berjaya menghafal penuh satu al-Quran; imbuhan lebih tinggi bersesuaian dengan penghafalan yang cemerlang.

*“...Pihak sekolah pula mengambil inisiatif dengan memberikan anugerah kepada mana-mana pelajar yang berjaya khatam (menghabiskan hafalan) al-Quran dengan hafalan yang penuh melalui pemberian al-Quran digital dan tasbih digital melalui koperasi sekolah”.*

Pemberian **penghargaan di khalayak ramai**, iaitu penghargaan ke atas usaha dan prestasi pelajar secara terbuka (hadapan guru dan pelajar lain) adalah aktiviti peneguhan yang lazim diamalkan di sekolah ini. Pelajar-pelajar yang berjaya mencapai sasaran

hafalan dipanggil di hadapan pelajar lain untuk menerima hadiah. Guru hafalan, Ustaz Amar mengakui bahawa penghargaan sebegini sangat membantu pelajar-pelajarnya bersaing mencapai sasaran hafalan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah serta dapat mendidik diri pelajar yang terlibat serta pelajar-pelajar yang lain.

*“...Kemudian kita (guru) bagi hadiah di hadapan pelajar-pelajar lain sebagai semangat kepada mereka. Di sana nanti wujud satu persaingan yang sihat antara mereka, konsep kejar-mengejar dalam hafalan. Jadi saya nampak seperti itu lah (kesan penghargaan yang diamalkan). Benda yang dibuat sama ada diberi ganjaran positif atau pun negatif, mesti dilakukan di hadapan pelajar sebagai satu peringatan. Kalau kita buat belakang, tidak ada nampak kesannya. Ada setengah orang kata kena buat belakang ustaz, bagi saya kita kena buat di hadapan, tujuannya adalah mendidik pelajar tersebut, bukan untuk diri dia sahaja”.*

Secara umumnya, pemberian ganjaran positif telah mendorong semangat dan keyakinan pelajar serta dapat membantu mereka untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

### **GANJARAN NEGATIF**

Peneguhan negatif pula merupakan pemberian berbentuk suatu rangsangan yang tidak selesa atau menyakitkan kepada sesuatu tingkah laku yang ditunjukkan untuk mendorong kemungkinan pelajar tersebut meningkatkan tingkah laku yang dapat mengelak atau mengurangkan keadaan yang tidak selesa/ menyakitkan ke atas diri mereka tadi (Mohamed 2005, 146). Ganjaran negatif ini lazimnya diberikan oleh guru hafalan sebagai peringatan awal/ ugutan kepada pelajar yang masih belum mampu mencapai sasaran hafalan al-Quran. Ia bertujuan untuk mendisiplinkan pelajar dalam mencapai sasaran hafalan yang telah ditetapkan. Untuk mengelak daripada menerima peringatan/ ugutan tadi, pelajar akan lebih fokus dalam mencapai sasaran tersebut.

Terdapat dua kategori yang lazim dalam pengamalan ganjaran negatif di sekolah ini, iaitu (a) ganjaran negatif berbentuk peringatan/ ugutan denda fizikal, dan (b) ganjaran negatif berbentuk peringatan/ ugutan denda bukan fizikal. Dalam kategori **ganjaran negatif berbentuk fizikal**, dua jenis yang diamalkan ialah denda fizikal ringan dan denda fizikal berat.

Denda fizikal ringan diberikan kepada pelajar yang masih belum menghafal ayat-ayat al-Quran yang baru ataupun ayat al-Quran yang telah dihafal sebelum ini (*muraja'ah*) semasa sesi *tasmi'* dijalankan. Seperti yang dinyatakan oleh Ustaz Karim,

*“...Kaedah (pemberian ganjaran negatif) yang saya guna sehingga sekarang ini, pelajar yang sampai ke kelas hafalan jam 8.30 pagi tetapi masih belum/ tidak dapat baca ayat muroja'ah (ayat hafalan sebelum ini), saya akan suruh pelajar berdiri sehingga dia dapat (menghafal). Ada sesetengah ustaz tu dia buat kaedah, masuk saja jam 8.30 pagi semua pelajar dikehendaki berdiri terlebih dahulu. Siapa yang telah tasmi', baru*

*dibenarkan untuk duduk. Tapi dengan cara itu OK juga kan. Pelajar akan bersungguh sedikit untuk tasmi”*.

Ganjaran negatif yang melibatkan denda fizikal berat pula diberikan kepada pelajar yang telah beberapa kali menerima peringatan daripada guru hafalan supaya mencapai sasaran hafalan al-Quran yang telah ditetapkan. Contohnya, merotan yang tidak bertujuan mencederakan di bahagian tubuh yang bersesuaian, seperti tapak tangan. Ustaz Karim bersetuju dengan amalan pemberian rotan setelah pelajar diberikan peluang atau peringatan beberapa kali terlebih dahulu,

*“...Maknanya apabila guru beri 2 atau 3 kali peluang lagi (tempoh hafalan), contohnya; beri waktu tambahan 20 minit lagi, saya akan tunggu (untuk mendengar bacaan hafalan). OK, kalau tidak dapat juga (memperdengarkan bacaan), saya rotan sekali atau dua kali ke tapak tangan”*.

Bagi kategori **ganjaran negatif berbentuk bukan fizikal**, aktiviti lazim yang diamalkan melibatkan tindakan kuarantin pelajar di kem hafalan dan menghantar pelajar ke kumpulan hafalan yang berlainan. Bagi tindakan kuarantin, Ustaz Hazim menyatakan semua pelajar telah sedia maklum bahawa sesiapa yang tidak mencapai sasaran hafalan dalam tempoh persekolahan seperti yang ditetapkan akan dikuarantinkan pada cuti akhir tahun. Pelajar-pelajar tersebut akan mengikuti kem hafalan yang telah dirangka oleh pihak sekolah supaya fokus dalam hafalan al-Quran untuk mencapai sasaran tersebut. Kebiasaannya pelajar-pelajar ini akan cuba mengelakkan diri daripada dikenakan tindakan kuarantin ini kerana mereka mahu memenuhi cuti dengan meluangkan waktu bersama keluarga,

*“...Kebiasaannya, pada akhir tahun atau pun cuti pertengahan tahun, pelajar yang tidak mencapai sasaran hafalan yang ditetapkan oleh kami (guru), contohnya; kami sasarkan tingkatan dua (2) kena habiskan sehingga juzuk 7 untuk tahun ini, tetapi pelajar yang tidak mencapai target ini, akan dikuarantin. Maknanya kami adakan kelas hafalan (kem hafalan). Contoh jika ada cuti dua minggu, seminggu pelajar akan habiskan cuti itu untuk kelas hafalan di sekolah. Jadi pelajar terpaksa datang lebih awal seminggu daripada cuti yang sepatutnya”*.

Selain itu, tindakan menghantar pelajar ke kumpulan hafalan lain turut diamalkan di sekolah ini. Ustaz Saiful menyatakan pelajar juga akan dihantar ke kumpulan lain sebagai kaedah untuk meningkatkan prestasi hafalan mereka. Pelajar akan bersungguh-sungguh mencapai sasaran yang ditetapkan dan akan sedaya upaya untuk mengelakkan diri daripada dihantar ke kumpulan hafalan yang lain kerana pelajar akan berasa malu. Penukaran kumpulan ke kumpulan lain yang berlainan jantina atau ke kumpulan tahap tingkatan lebih rendah dianggap sebagai sesuatu yang tidak diingini oleh pelajar,

*“...Pelajar tidak masuk ke dalam halaqah yang dihantar (ditempatkan berhampiran halaqah lain), tetapi pelajar akan berada di sekitar kawasan halaqah tersebut. Contohnya, seorang pelajar lelaki yang ditasmi’ di surau (kumpulan asal). OK, guru akan kata kalau esok awak (pelajar) tidak ingat (hafalan), awak (pelajar) akan pergi ke dewan (kawasan*

*hafalan kumpulan pelajar perempuan), awak akan tasmi' di dewan. Jadi, esok kalau pelajar tidak ingat juga, maka guru akan hantar ke dewan atau duduk di atas pentas, tetapi tidak berada dalam kumpulan perempuan”.*

Ustaz Saiful menyatakan terdapat kesan perubahan pemberian peringatan awal/ugutan kepada pelajar yang tidak mencapai sasaran ke atas prestasi hafalan mereka,

*“...Kali pertama saya buat (peringatan kepada pelajar yang tidak mencapai sasaran) pada bulan Mei tahun lepas (2010), saya nampak peningkatan hafalan secara mendadak lah. Pelajar memang bimbang, kalau boleh mereka tidak mahu turun ke kumpulan hafalan tingkatan lain. Kalau naik ke kumpulan hafalan tingkatan lain tidak apa. Contoh dari kumpulan hafalan tingkatan dua (2), pergi ke kumpulan hafalan tingkatan tiga (3), mereka suka, mereka bangga kerana mereka lebih dari orang lain (rakan lain)”.*

Secara umumnya, amalan pemberian ganjaran negatif telah memberikan kesan ke atas emosi pelajar dengan mendorong mereka untuk meningkatkan hafalan al-Quran.

## PEMBERIAN HUKUMAN

Amalan pemberian hukuman bertindak untuk melemahkan atau mengurangkan berulangnya tingkah laku yang tidak diinginkan. Hukuman adalah tindakan negatif yang membawa kepada pengurangan dalam kekerapan berlakunya tingkah laku tersebut (Mohamed 2005, 146). Pemberian hukuman ini diberikan kepada pelajar yang tidak dapat menghafal al-Quran mengikut ketetapan sasaran disebabkan tidak mampu dan tidak berkeyakinan. Ianya bertindak sebagai balasan ke atas tingkah laku supaya pelajar tidak mengulangnya semula. Kategori pemberian hukuman ini melibatkan beberapa pengamalan yang lebih kurang sama dengan amalan pemberian ganjaran negatif tetapi mempunyai perbezaan yang jelas.

Terdapat dua kategori dalam pengamalan pemberian hukuman ini, iaitu (a) hukuman berbentuk fizikal, dan (b) hukuman berbentuk bukan fizikal. Kategori **hukuman berbentuk fizikal** yang lazim diamalkan melibatkan pengamalan berbentuk denda ringan dan denda berat. Bagi amalan pemberian denda ringan, seorang pelajar bernama Khairul menceritakan pernah melihat beberapa orang kawannya yang didenda berdiri di atas pentas kerana tidak dapat menghafal sepertimana sasaran yang ditetapkan. Beliau yang pernah menerima denda juga menyatakan perasaannya,

*“...Perasaan malu. Sebab setiap kali ingin menghafal, rasa tidak tenteram dan tenang jiwa. Sentiasa dipandang oleh kawan-kawan. Jadi malu. Selepas itu, dibawa cerita (hal tersebut) di dalam kelas, jadi ingin tambah (tingkatkan) hafalan, dah tak nak kena denda, kena terus sentiasa tasmi' lah”.*

Ustaz Hazim juga pernah menghukum pelajarnya berdiri atas kerusi untuk menghafal al-Quran, iaitu setelah tempoh masa bersesuaian diberikan kepada mereka.

Selain itu, bagi hukuman denda berat yang diberikan pula adalah guru mendenda satu kumpulan hafalan al-Quran mengelilingi bangunan sekolah, dewan sekolah atau surau, dan berdiri serta ketuk ketampi. Hukuman rotan juga pernah diberikan oleh Ustaz Saiful kepada pelajarnya dan mendapati ia telah memberikan kesan yang baik kepada pelajar tersebut,

*“...Salah seorang tu Amshar lah. Mak ayah dia telefon ucap terima kasih kepada saya. Sebab kalau dulu Amshar kalau semuka ambil masa seminggu, paling banyak pun 2 muka seminggu. Saya boleh ambil guru tasmi' lain untuk rujuk balik, memang Amshar seorang yang mempunyai bacaan baik sebenarnya. Dia antara hendak dengan tidak hendak saja. Lepas saya buat denda ini, saya rotan... Alhamdulillah saya tengok hasil dia, kesan dia Alhamdulillah lah. Daripada Tingkatan 1 ramai orang pertikaikan dia, kata dia ini seorang yang tidak boleh. Bila saya buat denda ini, Alhamdulillah saya tengok, ada kesan lah. Kesan baik lah. Dia pun ucap terima kasih, mak ayah dia pun ucap terima kasih”.*

Bagi kategori **hukuman berbentuk bukan fizikal** pula, pengamalan lazim yang dilakukan adalah menyekat aktiviti pelajar yang tidak mencapai sasaran hafalan seperti menyekat aktiviti sekolah mereka. Ustaz Amar menyatakan pelajar yang tidak mencapai sasaran hafalan akan disekat aktiviti *outing* mereka,

*“...Contohnya, memang pelajar terpaksa menerima hukuman (kerana tidak menghafal). Jadi kita ambil satu bentuk denda/ hukuman iaitu kuarantin. Jadi kita (guru) terpaksa kuarantin kan pelajar tersebut di sekolah dengan tidak membenarkan mereka 'outing'”.*

Begitu juga Ustaz Hazim menyokong pengamalan peneguhan ini,

*“...Pelajar yang lemah, contohnya dia gagal mencapai sasaran hafalan selama 2, 3 atau 4 hari, kita berikan tindakan dengan menyekat dari aktiviti sekolah, sekat outing, sekat dari aktiviti luar atau dalam. Kemudian kita masukkan mereka ke dalam kuarantin”.*

Turut diamalkan di sekolah ini adalah tindakan mengenakan denda kewangan kepada pelajar. Kadar berbeza dari 50 sen hingga RM2 dilaksanakan. Berdasarkan temu bual, tindakan ini pernah dialami oleh seorang pelajar bernama Zaini, *“...Kalau macam ustaz saya, 50 sen sehari (jika) tidak tasmi' (memperdengarkan bacaan hafalan)”*. Zaini juga menyatakan jika pelajar berjaya menebus balik hafalan tersebut duit akan dipulangkan semula.

Ustaz Saiful menyatakan,

*“...Sebenarnya, kaedah peneguhan dalam buku panduan sekolah adalah sebagai gambaran secara umum kepada guru-guru. Denda yang kami namakan ‘uqubah tashji’yyah’ ini adalah sebagai pemberi semangat kepada pelajar sebenarnya. Sebagai contoh adalah kewangan, satu hari tidak menghafal, pelajar didenda RM2. Sekiranya mereka hendak tebus semula, mereka terpaksa gandakan hafalan tersebut. Sekiranya satu muka surat RM2, maka pada keesokannya pelajar tersebut terpaksa memperdengarkan bacaan hafalannya kepada 2 muka surat, dan pelajar tersebut berjaya menebus balik duitnya”.*

Namun penggunaan aktiviti ini agak terhad kerana terdapat guru yang kurang bersetuju dengan pendekatan ini kerana membebankan pelajar dan keluarga.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Kertas kerja ini memfokus kepada perbincangan berkaitan perubahan tingkah laku setelah peneguhan lazim yang melibatkan ganjaran positif (konsep *targhib* dan *tsawab*), ganjaran negatif (*tarhib*) dan hukuman (*‘uqubah*) diberikan, sepertimana yang diamalkan konsepnya di sekolah kajian. Dalam sumber Islam, perubahan sesuatu tingkah laku manusia adalah berkait rapat dengan emosi manusia setelah diteguhkan dengan sesuatu yang melibatkan pemberian janji baik (ganjaran positif) dan/atau janji buruk (ganjaran negatif) seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran. Anjuran pemberian ganjaran dan hukuman juga turut diamalkan melalui beberapa peristiwa yang ditunjukkan sendiri oleh Nabi Muhammad S.A.W. Justeru, di samping menjadi pendorong/ motivasi (melalui janji baik seperti balasan syurga) dalam melaksanakan amalan kebaikan, manusia juga akan sentiasa berwaspada (melalui janji buruk seperti peringatan balasan neraka) dalam tingkah laku mereka berdasarkan amaran-amaran Allah S.W.T. daripada melakukan kerosakan dan kejahatan. Asasnya, pendekatan konsep janji baik (ganjaran positif), janji buruk berbentuk ancaman (ganjaran negatif) dan hukuman sepertimana yang terdapat di dalam tradisi Islam adalah untuk membangkitkan semangat dan keyakinan manusia mengamalkan ajaran agama dan memperkukuhkan keimanan kepada Allah S.W.T. (Bajuri et al. 2012, 270).

Perspektif sains kelakuan pula mengaitkan isu ini dengan pendekatan behaviorisme yang diperkenalkan oleh tokoh saintis Barat seperti Ivan Pavlov, John Broadus Watson, Edward Thorndike dan Burrhus Frederic Skinner sebagai tokoh terawal yang mempopularkan teori pelaziman klasik dan operan (Kandel et al. 2005). Teori pembelajaran pelaziman klasik yang dipelopori oleh Ivan Pavlov dan John Broadus Watson dikaitkan dengan melihat perkaitan antara suatu rangsangan dengan rangsangan luar yang lain (seperti makanan sebagai ganjaran positif dan bunyi yang tidak disukai sebagai ganjaran negatif) yang diberi terhadap haiwan kajian (Mohamed 2005). Pembelajaran pelaziman operan pula dipelopori oleh Edward Thorndike dan Burrhus Frederic Skinner yang melibatkan hubungan suatu rangsangan dengan tingkah laku organisma (seperti kajian ke atas seekor tikus yang lapar setelah diberikan makanan di luar sangkar sebagai ganjaran) dengan mengukur sejauh mana respons tingkah laku haiwan tersebut ke atas rangsangan sama ada ganjaran atau hukuman yang diberikan (Kandel et al. 2005).

## GANJARAN POSITIF

Di samping penggunaan modul *tabsyir* pada hampir keseluruhan ayat al-Quran, istilah *targhib* juga turut dikenalpasti penggunaannya dalam aspek pendidikan. Konsep *tabsyir* di dalam al-Quran merujuk kepada pemberitahuan Allah S.W.T. kepada hamba-Nya mengenai ganjaran baik disebabkan ketaatan kepada-Nya (Mohd. Yusoff dan Syed Bidin 2006). Pendekatan *targhib* dalam tradisi Islam pula digunakan sebagai motivasi atau pujukan dan galakan kepada manusia untuk terus melakukan amal kebaikan (seperti galakan berbakti kepada ibu bapa) dengan diganjar syurga atau pahala setelah dihisab nanti (Bajuri et al. 2011; Budaiwi 2002; Syed Abdul Majid Ghouri 2012).

Selain itu, ganjaran dalam bahasa Arab diistilahkan sebagai *tsawab* yang membawa maksud pahala, upah, balasan baik dan perihal yang membawa maksud menghadihkan sesuatu kepada seseorang (Hanafi Dollah 2013). Di dalam al-Quran, penggunaan istilah *tsawab* ini banyak ditemui melalui perbincangan tentang balasan yang akan diterima oleh seseorang sama ada di dunia atau pun di akhirat berdasarkan amal perbuatan yang dilakukannya. Hasan Langgulung menggunakan istilah *tsawab* sebagai kata ganti ganjaran. Menurutnya, ganjaran diberikan untuk mengekalkan atau menguatkan tingkah laku yang diinginkan (Armai 2002). Menurut Muhammad Sa'id Mursi (2003) pula pemberian ganjaran diberikan supaya peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh seseorang itu dapat dikekalkan dan ditingkatkan lagi di samping berperanan sebagai motivasi kepada individu yang lain. Dalam kajian ini pula penggunaannya dipraktikkan apabila ganjaran positif seperti pemberian hadiah dan/atau pujian oleh guru kepada pelajar berdasarkan pencapaian penghafalan al-Quran diberikan sebagai motivasi dan merangsang keyakinan mereka.

Al-Quran telah menjelaskan konsep *targhib* sepertimana di dalam surah al-Imran (3), ayat 133 yang menyatakan secara jelas mengenainya sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَحَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ.

*“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amalan-amalan yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa”.*

Ayat ini merupakan galakan dan pendorong kepada manusia supaya bertaqwa kepada Allah S.W.T. dengan meninggalkan segala maksiat dan kejahatan yang pernah dilakukan untuk mendapatkan keampunan dari Allah S.W.T. dan bersegera untuk melakukan amalan kebajikan untuk mendapatkan nikmat syurga kelak. Ganjaran syurga yang dijanjikan Allah S.W.T. di dalam ayat ini digambarkan oleh Ibnu Katsir berbentuk seperti kubah yang terletak di bawah ‘Arasy Allah S.W.T. yang mempunyai keluasan yang seluas langit dan bumi dan di bahagian dalamnya diperbuat daripada sutera (Alu Syaikh 2008, 139).

Ganjaran yang dijanjikan Baginda S.A.W. seperti pahala dan syurga ini adalah sebagai ganjaran positif yang membangkitkan kepercayaan yang baik kepada Islam. Hal ini telah

diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam kitabnya melalui jalur periwayatan Jabir R.A. sebagaimana yang dilaporkan:

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا الْمُوجِبَاتَانِ؟  
فَقَالَ: مَنْ مَاتَ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ، وَمَنْ مَاتَ يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَخَلَ النَّارَ.

*Daripada Jabir R.A. melaporkan, telah datang seorang lelaki menemui Nabi Muhammad S.A.W., kemudian beliau bertanya: "Wahai Rasulullah S.A.W., apa dua hal yang diwajibkan itu?" Baginda S.A.W. menjawab: "Barangsiapa yang meninggal dunia tidak menyekutukan Allah S.W.T. dengan sesuatu pun, maka dia masuk syurga. Barangsiapa yang menyekutukan Allah S.W.T. dengan sesuatu pun, maka dia masuk neraka".<sup>1</sup>*

(Riwayat Muslim 2000a, 694)

Lazimnya di dalam aktiviti hafalan al-Quran, sesuatu pemberian ganjaran yang positif seperti penghargaan berbentuk pujian oleh seorang guru kepada pelajarnya akan membina suatu keadaan yang baik dan harmoni dalam merangsang emosi pelajarnya supaya terus berusaha untuk kekal berada dalam prestasi hafalan yang baik. Pemberian peneguhan positif ini adalah sebagai salah satu bentuk motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah ini dan ianya dapat dipertingkatkan lagi kesannya jika diberikan di khalayak umum. Ini selari dengan sebuah hadis yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. yang tidak menasihati atau menghukum beberapa kesalahan seorang lelaki yang datang lewat solat berjamaah, membuat bising dan kemudiannya tidak mengakui kesilapannya membuat bising. Sebaliknya Nabi Muhammad S.A.W. telah memuji tindakan lelaki yang bertahmid dengan kuat di khalayak umum, sebagaimana yang tercatat dalam Sahih Muslim:

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ رَجُلًا جَاءَ فَدَخَلَ الصَّفَّ وَقَدْ حَفَزَهُ النَّفْسُ، فَقَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ، فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاتَهُ قَالَ: أَيُّكُمْ الْمُتَكَلِّمُ بِالْكَلِمَاتِ؟ فَأَرَمَ الْقَوْمُ، فَقَالَ: أَيُّكُمْ الْمُتَكَلِّمُ بِهَا؟ فَإِنَّهُ لَمْ يَقُلْ بَأْسًا. فَقَالَ رَجُلٌ: جِئْتُ وَقَدْ حَفَزَنِي النَّفْسُ ففُلْتُهَا فَقَالَ: لَقَدْ رَأَيْتُ اثْنَيْ عَشَرَ مَلَكًا يَبْتَدِرُونَهَا، أَيُّهُمْ يَرْفَعُهَا.

*Daripada Anas melaporkan, pada suatu hari ada lelaki datang dan terus masuk barisan orang sedang solat, dengan nafasnya termengah-mengah kerana terkocoh-kocoh, sambil membaca 'Alhamdulillah hamdan kasiran thoyiban mubarakan fih'. Selepas selesai solat Nabi Muhammad S.A.W. bertanya, "Siapakah tadi yang mengucapkan kata-kata itu?" Semua yang ada diam. Nabi Muhammad S.A.W. bertanya lagi,*

<sup>1</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim Al-Hajjaj, Sahih Muslim, Kitab *al-Iman*, Bab *Man Mata La Yusyrik Bi Allah Syai'an Dakhala al-Jannah wa Man Mata Musyrikan*, dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, no.hadith: 269, Riyadh: Dar al-Salam, 2000a, h.694.

*“Siapakah tadi yang mengucapkan kata-kata itu? Sebenarnya dia tidak mengucapkan sesuatu yang berdosa”. Lalu seorang lelaki berkata, “Tadi saya datang termengah-mengah, lalu saya ucapkan kata-kata itu”. Nabi Muhammad S.A.W. berkata, “Sungguh, saya nampak 12 malaikat berebut-rebut mengangkat kata-kata itu”.*<sup>2</sup>

(Riwayat Muslim 2000b, 771)

Di samping itu, Nabi Muhammad S.A.W. juga pernah menunjukkan suatu contoh pemberian ganjaran positif berbentuk penghargaan secara pujian kepada seorang sahabat yang merupakan penghafal al-Quran, iaitu Ubay bin Ka’ab dengan memuji dengan kata-kata yang positif dan menghargai beliau, sebagaimana yang tercatat dalam hadis Sahih Muslim:

عَنْ أَبِي بِنِ كَعْبٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا أَبَا الْمُنْذِرِ، أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَعْظَمُ؟ قَالَ: قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: يَا أَبَا الْمُنْذِرِ أَتَدْرِي أَيُّ آيَةٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ مَعَكَ أَعْظَمُ؟ قَالَ: قُلْتُ: اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ قَالَ: فَضَرَبَ فِي صَدْرِي، وَقَالَ: وَاللَّهِ لِيَهْنِكَ الْعِلْمُ أَبَا الْمُنْذِرِ.

*Daripada Ubay bin Ka’ab melaporkan Nabi Muhammad S.A.W. berkata kepadanya; “Wahai Abu Munzir, apakah kamu tahu ayat manakah dalam Kitab Allah S.W.T. yang paling agung antara ayat-ayat hafalan kamu?” Saya menjawab, “Allah S.W.T. dan Rasul-Nya lebih tahu”. Nabi berkata lagi, “Wahai Abu Munzir, apakah kamu tahu ayat manakah dalam Kitab Allah S.W.T. yang paling agung antara ayat-ayat hafalan kamu?” Saya menjawab, “Allahu la ilaha illa huwal hayyul qayyum”. Ubay berkata, “Beliau pun menepuk dada saya dan berkata, ‘Demi Allah S.W.T., ilmu menjadikan kamu bahagia, wahai Abu Munzir’”.*<sup>3</sup>

(Riwayat Muslim 2000c, 805)

Manakala pemberian *tsawab* adalah lebih berbentuk kepada pemberian material. Rasulullah S.A.W. melalui hadis yang lain telah menghuraikan tentang pentingnya pemberian hadiah atau bayaran/ upah secara langsung sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada seseorang yang telah membantu atau bekerja untuknya. Menurut Muhammad ‘Ustman Najat (2008) pemberian hadiah atau bayaran/ upah yang diberikan secara langsung akan mempengaruhi psikologi yang bertindak sebagai motivasi dan

<sup>2</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim Al-Hajjaj, Sahih Muslim, Kitab *al-Masajid wa Mawadi’ al-Salah*, Bab *Ma Yuqal Baina Takbir al-Ihram wa al-Qiraat*, dalam *Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, no. hadith, 1357, Riyadh: Dar al-Salam, 2000b, h.771.

<sup>3</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim Al-Hajjaj, Sahih Muslim, Kitab *Solat al-Musafirin wa Qasriha*, Bab *Fadl Surah al-Kahf wa Ayat al-Kursi*, dalam *Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, no. hadith: 1885, Riyadh: Dar al-Salam, 2000c, h.805.

galakan kepada mereka untuk berperilaku baik dan meningkatkan kualiti kerja dalam perkhidmatannya di samping mencapai kepuasan diri. Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan di dalam Sunan Ibn Majah melalui jalur periwayatan Abdullah ibn 'Umar mengenai gesaan Baginda S.A.W. supaya melakukan bayaran sebagai upah yang perlu diberikan kepada pekerja/ seseorang yang memberikan khidmatnya sebelum keringatnya mengering atau penatnya hilang.<sup>4</sup>

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ، قَبْلَ أَنْ يَجِفَّ عَرْقُهُ.

*“Daripada Abdullah ibn 'Umar katanya, telah bersabda Rasulullah S.A.W.: Berilah bayaran kepada seorang pekerja sebelum keringatnya mengering”.*<sup>5</sup>

(Riwayat Ibn Majah 2000, 2623)

Dalam sains kelakuan, teori pembelajaran behaviorisme melalui teori pelaziman klasik yang diperkenalkan oleh Ivan Pavlov telah memberikan rangsangan yang bersifat menyeronokkan kepada haiwan kajian. Teori ini menyatakan bahawa perkaitan pembelajaran berlaku apabila sesuatu gerak balas haiwan tersebut terhadap sejenis rangsangan (yang menyeronokkan diberikan) yang awalnya tidak memberikan apa-apa kesan, akhirnya akan menjadi lazim jika sering terdedah kepada rangsangan yang diberikan tersebut (Kandel et al. 2005). Begitu juga idea pelaziman operan yang diperkenalkan oleh Edward Thorndike. Beliau telah melakukan kajian ke atas haiwan kajian yang lapar dengan memerhatikan gerak balas refleks haiwan tersebut di dalam sangkar yang dipasang pengumpul untuk membuka pintu setelah diberikan makanan di luar sangkar sebagai ganjaran. (Kandel et al. 2005). Didapati kelakuan haiwan kajian yang baru (membuka pengumpul pintu) telah diteguhkan setelah dilazimi dengan pemberian makanan tersebut yang bertindak sebagai ganjaran positif. Ini bermakna pemberian ganjaran yang menyeronokkan itu tadi telah membentuk kelakuan yang baru yang diteguhkan dengan kelaziman pemberian ganjaran.

## GANJARAN NEGATIF

Selain penggunaan modul *indhar* yang turut digunakan dalam penggunaan ayat al-Quran, istilah *tarhib* juga turut digunapakai dalam tradisi Islam sebagai modul pendidikan (Mohd. Yusoff dan Syed Bidin 2006). Konsep *indhar* merupakan segala pemberitahuan Allah S.W.T. kepada hamba-Nya mengenai balasan buruk akibat keingkaran mereka kepada-

<sup>4</sup>Pernyataan tentang “sebelum keringatnya mengering” adalah merujuk kepada pemberian hadiah/ upah secara langsung setelah kerja atau bantuan yang diberikan itu selesai. Secara psikologi, pemberian hadiah/ upah yang dilakukan sejeurus sahaja selesai akan memberikan impak yang sangat positif kepada seseorang berbanding jika pemberian hadiah/ upah tersebut diberikan lewat.

<sup>5</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid Ar-Rabi' bin Majah al-Quzwaini, Sunan Ibn Majah, Kitab *al-Ruhun*, Bab *Ajr al-Ujara*, dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, no. hadith: 2443, Riyadh: Dar al-Salam, 2000, h.2623.

Nya (Mohd. Yusoff dan Syed Bidin 2006). Manakala pendekatan *tarhib* pula digunakan juga oleh Rasulullah S.A.W. untuk menyampaikan berita yang menakutkan/menggerunkan manusia sebagai ancaman Allah S.W.T. agar tidak melanggar perintah yang telah ditetapkan dan menjadi manusia yang baik. Ganjaran juga boleh dipersembahkan kepada pengertian berbentuk ganjaran negatif. Dalam kajian ini pula konsep *tarhib* dipertunjukkan melalui ganjaran negatif seperti peringatan pemberian denda oleh guru, dengan tujuan menakut-nakutkan/ supaya pelajar mengelak dari melakukan kesalahan yang sama dan bertujuan merangsang mereka untuk berubah.

Konsep *tarhib* digambarkan sepertimana dalam surah al-Tahrim (66), ayat 6 dengan maksud firman Allah S.W.T.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ  
وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ  
وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah S.W.T. dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”.*

(Tafsir Pimpinan al-Rahman 2001)

Ayat ini adalah amaran daripada Allah S.W.T. supaya manusia sentiasa berwaspada dan menjaga diri dan keluarga daripada terjerumus melakukan kerosakan dan diberikan balasan yang buruk kelak. Berdasarkan fakta tersebut ganjaran dalam Islam adalah merangkumi balasan atas dunia, balasan janji pahala dan dosa yang berkait dengan keadaan di akhir hayat, di dalam kubur, hari kebangkitan dan keadaan ketika berada dalam syurga/ neraka. Dalam ayat ini dijelaskan mengenai keperluan pemerhatian dan pengawasan terhadap keluarga dan anak-anak daripada mendapat azab api neraka disebabkan tidak menurut perintah dan sering ingkar terhadap larangan Allah S.W.T. (Budaiwi 2002).

Ancaman dan peringatan ini adalah berbentuk ganjaran negatif kepada umat Islam yang mengimani tentang kewujudan balasan yang bersifat ghaib, iaitu neraka yang bahan bakarnya terdiri dari tubuh badan manusia yang dicampakkan ke dalam api neraka dan batu yang terdiri dari patung berhala yang disembah. Ibn Katsir mengutarakan pandangan Mujahid tentang firman Allah S.W.T. sebagai “Bertakwalah kepada Allah S.W.T. dan berpesanlah kepada keluarga kalian untuk bertakwa kepada Allah S.W.T. Manakala Qatadah pula menyatakan, “Iaitu, hendaklah engkau menyuruh mereka berbuat taat kepada Allah S.W.T. dan mencegah mereka dari menderhakai Allah S.W.T. dan hendaklah engkau menjalankan perintah Allah S.W.T. kepada mereka dan perintahkan mereka untuk menjalankannya, serta membantu mereka dalam menjalankannya. Jika

engkau melihat mereka membuat maksiat kepada Allah S.W.T., maka ingatkan dan cegahlah mereka” (Alu Syaikh 2008, 37).

Selain itu, Rasulullah S.A.W. juga menyarankan cara mendidik anak-anak tentang hal berkaitan solat pada peringkat permulaan dan awal usia melalui ingatan secara verbal dan kemudiannya ganjaran negatif berbentuk peringatan denda fizikal, sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud di dalam kitabnya melalui jalur periwayatan ‘Amru ibn Shu’aib, yang melaporkan:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مُرُوا  
أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا، وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرَّقُوا بَيْنَهُمْ فِي  
الْمَضَاجِعِ.

*Daripada ‘Amru ibn Shu’aib, daripada ayahnya dan datuknya berkata: Sabda Rasulullah S.A.W.: “Perintahkanlah anak-anak kamu menunaikan sembahyang ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukul lah mereka kerana meninggalkan sembahyang apabila berumur 10 tahun dan asingkan lah mereka di tempat-tempat tidur”.*<sup>6</sup>

(Riwayat Abu Dawud 2000, 1259)

Contoh lain yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. tentang cara pendidikan anak-anak pada peringkat permulaan adalah melalui peringatan sepertimana anjuran awal supaya menggantungkan rotan di rumah. Sabda Rasulullah S.A.W. melalui jalur periwayatan Ibn ‘Abbas sebagaimana dilaporkan seperti berikut:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَلَّقْ سَوْطَكَ حَيْثُ يَرَاهُ أَهْلُكَ.

*“Daripada Ibn Abbas katanya, Rasulullah S.A.W. bersabda: Gantunglah rotan supaya dapat dilihat oleh penghuni rumah kerana ia suatu didikan untuk mereka.”*<sup>7</sup>

(Al-Mu’jam al-Kabir li al-Tabrani 2000, 285)

Di dalam hadis ini, Rasulullah S.A.W. menunjukkan satu kaedah pendidikan yang sangat baik untuk diamalkan dengan cara menggantungkan rotan di satu sudut bahagian rumah yang boleh dilihat oleh penghuninya. Secara psikologi dalam aspek pendidikan, ia

<sup>6</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Abu Dawud Sulaiman Al-Ash’ath, Sunan Abi Dawud, Kitab *al-Solat*, Bab *Mata Ya’muru al-Ghulam fi al-Solat*, dalam *Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, no. hadith: 495, Riyadh: Dar al-Salam, 2000, h.1259. Perbincangan berkenaan hadis ini juga didapati di dalam *Aun al-Ma’bud Sharah Sunan Abi Daud* oleh sarjana Islam Ibn Qayyim al-Jawziyyah pada tahun 1990.

<sup>7</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Sulaiman bin Ahmad bin Ayub Abu al-Qassim al-Thobrani, *Al-Mu’jam al-Kabir Li al-Thobrani*, Bab ‘Ain, ‘Ali ibn Abdillah ibn ‘Abbas an Abihi, dalam *Mawsu’ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, no. hadith:10672, Riyadh: Dar al-Salam, 2000, h.285.

bertindak sebagai peringatan berbentuk ganjaran negatif kepada anak-anak khususnya, agar sentiasa berwaspada dengan peraturan dan sentiasa berkelakuan baik di dalam rumah. Ia dapat menghalang anak-anak dari melakukan perkara yang tidak baik kerana mereka menyedari akan dirotan sekiranya ingkar. Namun, jika anak-anak ingkar dengan peraturan yang ditetapkan, hukuman rotan, iaitu berbentuk hukuman fizikal akan diberikan sebagai pengajaran kepada mereka untuk tidak mengulanginya semula.

Pemberian suatu ganjaran negatif lazimnya akan mempengaruhi emosi seseorang pelajar itu sama ada mengurangkan perlakuan malas atau tidak mahu menghafal, menjadi rajin dan semangat untuk menghafal. Sebagai contoh dalam kajian ini, di awal sesi pembelajaran seseorang guru telah memberikan amaran kepada pelajarnya untuk memindahkan mereka yang tidak dapat mencapai sasaran hafalan ke kumpulan hafalan lain yang berlainan jantina. Amaran ini sahaja menyebabkan pelajar bersungguh-sungguh untuk menghafal dan mengelakkan diri dari dikenakan tindakan (dipindah ke kumpulan hafalan lain) tersebut kerana malu. Ini bertepatan dengan dapatan kajian sebelum ini yang mana telah dikongsikan oleh pelajar bernama Khairul yang menceritakan pernah menerima denda berdiri di atas pentas. Implikasinya, denda yang diperoleh tersebut telah menjadi suatu pengajaran yang menjadi bentuk ganjaran negatif kepada diri Khairul untuk mengelak dikenakan semula denda yang sama kerana akan memalukan dirinya sendiri.

*“...Perasaan malu. Sebab setiap kali ingin menghafal, rasa tidak tenteram dan tenang jiwa. Sentiasa dipandang oleh kawan-kawan. Jadi malu. Selepas itu, dibawa cerita (hal tersebut) di dalam kelas, jadi ingin tambah (tingkatkan) hafalan, dah tak nak kena denda, kena terus sentiasa tasmī' lah”.*

Dalam sains kelakuan, teori pembelajaran behaviorisme juga mengaplikasikan konsep yang sama dengan memberikan rangsangan yang bersifat menyakitkan/ tidak menyeronokkan ke atas haiwan kajian dan manusia. (Kandel et al. 2005). Contohnya John Broadus Watson menjalankan kajian ke atas Albert melalui pendedahan seekor tikus putih yang pada awalnya tidak menakutkannya. Namun, Albert kemudiannya mengalami perubahan tingkah laku apabila menjadi takut setelah bunyi yang kuat disertakan bersama pemberian tikus tadi. Setelah mengalami beberapa proses pelaziman, Albert masih menjadi takut walaupun hanya diberikan tikus tanpa disertakan dengan bunyi yang kuat. Bunyi yang kuat merupakan rangsangan perkaitan yang bersifat menakutkan yang terlazim dengan rangsangan pendedahan tikus putih. Akhirnya Watson dapat merumuskan bahawa pengalaman pembelajaran sesuatu organisma boleh ditentukan dengan memberikan rangsangan sama ada ia bersifat menyeronokkan atau sebaliknya (Kandel et al. 2005).

## PEMBERIAN HUKUMAN

Hukuman bermaksud sesuatu penderitaan yang dikenakan atas orang yang melakukan kesalahan, dan apa-apa bentuk hukuman yang dijatuhkan oleh hakim (membawa maksud Tuhan yang menghakimi hamba-Nya di hari perhitungan atau sesebuah kerajaan yang memerintah yang menjatuhkan hukuman) atas kesalahan yang dilakukan (Kamus Dewan. 2010). Hukuman atau seksaan dalam bahasa Arab diistilahkan sebagai *'iqab* (عقاب) dan

'*uqubah* (عقوبة) (Hanafi Dollah 2013). Menurut Kamus Al-Quran (2011), pengistilahan '*iqab* (عقاب) dan '*uqubah* (عقوبة) ini adalah berasal dari kata '*aqaba* (عقب) yang memberi maksud setiap sesuatu yang datangnya selepas yang lain-lain atau yang datang kemudian dan yang mengikutinya. Ia menjelaskan konsep hukuman adalah suatu perkara yang datangnya (diberikan) setelah melakukan dosa (Mohd. Yusoff 2011). Aktiviti hukuman seperti guru merotan pelajar yang tidak mencapai sasaran hafalan setelah berulang kali diberi nasihat/ amaran akan merangsang emosi pelajar supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama. Hukuman yang diberikan bertindak sebagai peringatan dan penghalang (ganjaran negatif) untuk melakukan kesalahan yang sama pada waktu yang lain.

Di dalam konteks pendidikan, penggunaan '*iqab* (عقاب) mempunyai sedikit perbezaan berbanding dengan '*tarhib* (ترهيب). '*iqab* (عقاب) merupakan sesuatu aktiviti menyakitkan seperti pukulan atau cubitan yang diberikan disebabkan tingkah laku yang salah ditunjukkan oleh anak didik. Sementara '*tarhib* (ترهيب) pula bertindak sebagai ganjaran negatif berbentuk peringatan yang bersifat menakutkan dan memberikan ancaman kepada individu lain agar tidak melakukan suatu tindakan yang menyalahi peraturan.

Penggunaan ayat dan konsep hukuman di dalam al-Quran telah banyak diguna pakai dan didapati penggunaannya secara keseluruhan dimulakan dengan kata yang bersangatan pedih sifatnya yang menjurus kepada balasan buruk berbentuk azab yang sangat menyakitkan. Contohnya sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah Ali 'Imran (3), ayat 11. Berdasarkan ayat ini didapati pemberian hukuman adalah bersifat menyakiti atau tidak menyenangkan diberikan disebabkan balasan buruk akibat dari perbuatan jahat yang dilakukan oleh seseorang individu. Muhaimin dan Abd. Mujib (1993) menyatakan bahawa hukuman yang diberikan perlulah digunakan sebagai jalan penyelesaian yang terakhir dan harus dilakukan secara minimum dan tidak memberikan kecederaan. Tujuan utama dari pendekatan ini juga sebagai pengajaran berguna kepada seseorang dari mengulangi kesalahan-kesalahan yang dilakukan sebelum ini (Muhaimin dan Abdul Mujib. 1993).

كَذَّابٍ ءَالٍ فِرْعَوْنَ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا  
فَأَخَذَهُمُ اللَّهُ بِذُنُوبِهِمْ وَاللَّهُ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١١﴾

“(11). (Keadaan orang-orang kafir itu) sama seperti keadaan kaum Firaun, dan orang-orang yang terdahulu dari mereka; mereka mendustakan ayat-ayat keterangan kami, lalu Allah menyiksa mereka disebabkan dosa-dosa mereka. dan (ingatlah), Allah Maha berat azab seksa-Nya.”

Selain itu, '*uqubah* juga turut diamalkan dalam pengamalan pemberian hukuman hudud dan qisas dalam tradisi Islam. Allah S.W.T. berfirman di dalam surah al-Nur (24) pada ayat ke 2:

ط  
 الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا  
 تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ  
 وَلَيْشِهَدْ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٧٠﴾

"(2) Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman."

Pendekatan berbentuk ganjaran negatif yang digunakan di dalam ayat ini adalah melalui penegasan/ ancaman tentang hukuman yang akan diterima melalui hukuman hudud. Manakala pelaksanaan hudud yang akan dilaksanakan di hadapan khalayak umum yang disaksikan oleh masyarakat setempat pula adalah sebagai hukuman/ balasan yang diterima apabila melakukan kesalahan yang layak dikenakan berdasarkan hudud. Pelaksanaan hukuman dikhalayak ini secara langsung akan memberi kesan dan mempengaruhi masyarakat dengan memperolehi pengajaran yang sangat menginsafkan dan memperingatkan mereka dengan azab siksaan hukuman yang dialami jika ianya berlaku kepada mereka.

Di samping itu, perspektif Islam menyatakan manusia akan memperoleh ganjaran dan/atau hukuman yang setimpal bergantung kepada usaha atau amal yang dilakukan, ianya meliputi perkara kecil atau besar mahupun yang tergolong dalam perbuatan yang baik atau buruk. Sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-Zalzalah (99), ayat 7-8. Dalam pelaksanaan pemberian peneguhan di sekolah kajian, kejayaan seseorang pelajar untuk mencapai sasaran hafalan adalah bergantung kepada sejauh mana usahanya itu. Tahap pemberian amalan-amalan peneguhan juga adalah bergantung kepada kesesuaian situasi dan/atau kebolehan pelajar tersebut.

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧١﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ  
 شَرًّا يَرَهُ ﴿٧٢﴾

"Barang siapa mengerjakan kebaikan sebesar zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasannya). Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan walau sebesar zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasannya)".

Sepertimana perbincangan sebelum ini, sains kelakuan juga turut menguji elemen pemberian hukuman ini sebagai amalan peneguhan sebagai prinsip pengukuhan dan hukuman ke atas kelakuan haiwan yang dikaji sepertimana yang dilakukan oleh Burrhus Frederic Skinner. Kajian yang dilakukan ke atas haiwan adalah dengan melakukan

pengukuran pengaruh ganjaran dan dendaan terhadap gerak balas organisma yang dikaji (Kandel et al. 2005).

## KESIMPULAN

Melalui hasil analisis temu bual yang diperolehi, pelaksanaan aktiviti peneguhan lazim dalam proses hafalan al-Quran di peringkat menengah rendah di sebuah sekolah menengah agama yang terpilih di Terengganu dikenalpasti. Penggunaan aktiviti peneguhan ini juga turut didapati telah diamalkan dalam tradisi Islam dan sains kelakuan. Pendokumentasian penggunaannya didokumentasikan di dalam perbincangan berdasarkan teori-teori yang dibentuk. Didapati istilah Arab digunakan bagi penggunaannya dalam tradisi Islam' iaitu bagi ganjaran positif telah menggunakan istilah berdasarkan konsep *targhib* dan *tsawab*, ganjaran negatif pula sebagai *tarhib* dan pemberian hukuman sebagai *'uqubah*. Dalam sains kelakuan pula, konsep pengamalannya adalah berdasarkan kepada teori pembelajaran behaviorisme melibatkan teori pelaziman klasik dan operan yang menggunakan penyelidikan secara makmal.

Analisis mendapati peneguhan lazim yang diamalkan untuk meningkatkan prestasi hafalan al-Quran oleh pelajar adalah melibatkan tiga kaedah, iaitu pengamalan pemberian ganjaran positif, pemberian ganjaran negatif dan pemberian hukuman kepada pelajar. Pengamalan peneguhan ini dikenalpasti mempunyai ciri-ciri tersendiri, iaitu (a) melibatkan isu pemberian peneguhan dalam pembelajaran yang dibenarkan oleh agama, (b) pemberian peneguhan berdasarkan tahap hafalan pelajar, (c) pemberian peneguhan berdasarkan penetapan sasaran hafalan oleh pihak sekolah, (d) pemberian peneguhan yang bersesuaian dengan zaman dan budaya masyarakat setempat, (e) pemberian peneguhan secara terbuka, dan (f) pemberian peneguhan melalui konsep penebusan melalui denda kewangan. Amalan-amalan ini boleh dicontohi sebagai suatu pendekatan pendidikan untuk pelaksanaan dalam sistem pendidikan di Malaysia secara umumnya dalam melahirkan dan menggilap potensi generasi pelapis.

## PENGHARGAAN

Sekolah Kajian di Terengganu, Universiti Malaya Research Grant (UMRG)-RG059/09AFR, *Centre of Quranic Reseach* (CQR) dan *Neuroscience Research Group* (NeuroRG), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

## BIBLIOGRAFI

- Abu 'Abdullah Muhammad bin Yazid Ar-Rabi' bin Majah, Al-Quzwaini. (2000). Sunan Ibn Majah. Dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Abu Dawud Sulaiman, Al-Ash'ath. (2000). Sunan Abi Dawud. Dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Alu Syaikh, Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman. (2008). *Tafsir Ibnu Katsir (Lubaabut Tafsir Min Ibni Katsiir)*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Armai, Arief. (2002). *Pengantar Ilmu dan Metodologi Pendidikan Islam*. Jakarta: Ciputat pers.
- Baba, Sidek. (2011). *Tajdid Ilmu dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan.

- Bajuri, Mohamad Khairudin, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2011). Konsep Ganjaran dalam Aktiviti Pembelajaran: Pengamalannya di Sebuah Sekolah Menengah Agama di Terengganu. Kertas Kerja Dibentangkan di The 2nd Annual International Quranic Conference, di Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Bajuri, Mohamad Khairudin, Rohaida Mohd. Saat, Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2012). "Penggunaan Ganjaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran dari Perspektif Neurosains dan Tradisi Islam: Suatu Perbandingan." Dalam *Dimensi Islam dalam Wacanan Sains*. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuwan.
- Budaiwi, Ahmad Ali. (2002). *Imbalan dan Hukuman Pengaruhnya Bagi Pendidikan Anak*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Green, Thomas F. (1997). *Predicting The Behavior of The Educational System*. New York: Educator's International Press.
- Hanafi Dollah, Abu Abdullah. (Ed.) (2013). *Kamus Kontekstual Lengkap Al-Khalil (Arab-Melayu)*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmiah Al-Khalil
- Hasan Adli, Durriyyah Sharifah, Noor Naemah Abdul Rahman, dan Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd. Yusoff. (2003). Isu dalam Bidang Neurosains dan Perspektif Islam Mengenaunya. Kertas Kerja Telah Dibentangkan di Seminar Antarabangsa: Islam dan Cabaran Sains dan Teknologi Abad ke-21, 7-9 September 2003, di Johor Bahru.
- al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (1990). *Aun al-Ma'bud Sharah Sunan Abi Dawud*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Kamus Dewan. (2010). (4 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kandel, Eric R., James H. Schwartz, dan Thomas M. Jessell. (2005). *Principles of Neural Science*. 4 ed. New York: McGraw-Hill.
- Lindgren, Henry Clay. (1976). *Educational Psychology in The Classroom*. New York: John Wiley & Sons.
- Mahyuddin, Rahil, Jami'ah Mohamad, dan Kasnani Ab. Karim. (2000). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Longman.
- Mohamed, Mahmood Nazar. (2005). *Pegantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Saat, Rohaida, Zulfa Izza Mohamed@Hashim, Mohamad Khairudin Bajuri, Mohd. Yakub@Zulkifli Mohd Yusoff, Noor Naemah Abdul Rahman, dan Durriyyah Sharifah Hasan Adli. (2011). "Memorization Activity and Use of Reinforcement in Learning: Content Analysis from Neuroscience and Islamic Perspectives." *Journal of Applied Sciences* no. 11 (7):1113-1120.

- Muhammad 'Ustman Najat. (2008). *Psikologi Rasulullah S.A.W.* (Yahya Nuryadi, Terjemahan). Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Mohd. Yusoff, Mohd. Yakub@Zulkifli, dan Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. (2006). Uslub Tabsyir dan Indhar: Fungsi dan Impak dalam Membentuk Personaliti Ideal. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pengajian Umum (SKPU 2006), 13 & 14 Jun 2006, di Hotel Hyatt Regency, Johor Bahru.
- Mohd. Yusoff, Mohd Yakub@Zulkifli. (Ed.) (2011). *Kamus Al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata dalam Al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Muhaimin dan Abdul Mujib. (1993). *Pemikiran Pendidikan Islam: Kajian Filosofis dan Kerangka Dasar Operasionalisasinya*. Bandung: Trigenda Karya.
- Muhammad Sa'id Mursi. (2003). *Melahirkan Anak Masya Allah: Sebuah Terobosan Baru Dunia Pendidikan Moden (Fan Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam)*. Jakarta: Cendekia.
- Muslim, Al-Hajjaj. (2000). Sahih Muslim. Dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Nicholls, Gill. (2002). *Developing Teaching and Learning in Higher Education*. London: Routledge Falmer.
- Schunk, Dale H. (2007). *Learning Theories*. 5 ed. New Jersey USA: Prentice Hall, Inc.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. Surah al-'Imran (3): 11, 133; Surah an-Nur (24): 2; Surah al-Tahrim (66): 6; Surah al-Zalzal (99): 7-8.
- Sulaiman bin Ahmad bin Ayub Abu al-Qassim, Al-Thobrani, (2000). Al-Mu'jam al-Kabir Li al-Thobrani. Dalam *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Syed Abdul Majid Ghouri. (Ed.) (2012). *Mu'jam al-Mustholah al-Hadith [Kamus Istilah Hadis]* (1 ed.). Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Squire, Larry R., dan Daniel L. Schacter. (2002). *The Neuropsychology of Memory*. 3 ed. New York: Guilford Press.
- Yayasan Terengganu. (t.t.) *Modul Sukatan Hafazan Al-Quran Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu*. Terengganu: Penerbit Yayasan Terengganu.